

# 'Hentikan serangan, kekalkan saluran komunikasi terbuka'

Anwar bimbang pertikaian terus berlarutan, sedia sokong langkah pulih keamanan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir

yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menggesa Thailand dan Kemboja supaya bersikap berhati-hati, mengekalkan saluran komunikasi terbuka serta memanfaatkan sepenuhnya mekanisme sedia ada susulan laporan mengenai pertembungan bersenjata di sempadan bersama kedua-dua negara.

Dalam hantaran di Facebook semalam, Anwar menyatakan kebimbangannya terhadap insiden itu dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban atau cedera.

Perdana Menteri menegaskan Malaysia bersedia menyokong segala langkah yang dapat memulihkan ketenangan dan mengelakkan insiden susulan, sambil menekankan Thailand dan Kemboja adalah rakan rapat Malaysia serta anggota penting ASEAN.

"Pertempuran yang berulang ini berisiko meruntuhkan usaha teliti yang telah dijalankan bagi menstabilkan hubungan antara kedua-dua jiran," katanya.

Anwar berkata, rantau ini tidak mampu melihat pertikaian yang berlarutan bertukar menjadi kitaran konfrontasi.


"Keutamaan segera ialah menghentikan pertempuran, melindungi orang awam dan kembali ke landasan diplomasi yang berpandukan undang-undang antarabangsa serta semangat kejiranan yang menjadi tunjang ASEAN," katanya.

Sebelum ini, media antarabangsa melaporkan Thailand melancarkan serangan udara di sepanjang sempadan yang dipertikaikan dengan Kemboja susulan pertembungan baharu, dengan kedua-dua pihak saling menuduh melanggar perjanjian gencatan senjata terdahulu.

Sekurang-kurangnya seorang anggota tentera Thailand terkorban, manakala beberapa lagi cedera akibat tembakan pihak Kemboja di wilayah timur

"Pertempuran yang berulang ini berisiko meruntuhkan usaha teliti yang telah dijalankan bagi menstabilkan hubungan antara kedua-dua jiran"

Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri



Ubong Ratchathani.

## Gesa rujuk perjanjian

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata Malaysia menggesa Kemboja dan Thailand kembali merujuk serta mematuhi Perenggan Ketujuh Perjanjian Gencatan Senjata bertarikh 28 Julai lalu.

Beliau berkata, saranan itu dibuat dalam semangat persefahaman serantau dan kepatuhan kepada komitmen terdahulu menurusi Perjanjian Damai Kuala Lumpur.

"Perenggan berkenaan menyatakan kedua-dua pihak perlu segera berunding di peringkat tempatan melalui mekanisme dua hala sedia ada bagi mengelak keadaan di sempadan terus memuncak, jika berlaku konflik bersenjata, sama ada secara sengaja atau tidak.

"Malaysia percaya keamanan dan kestabilan dapat dikekalkan demi kepentingan bersama rantau ini melalui dialog berteru-

san, langkah diplomatik konstruktif serta penghormatan terhadap mekanisme dua hala sedia ada," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, Kerajaan Malaysia menegaskan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan serantau kekal sebagai keutamaan Malaysia.

"Malaysia memandang serius perkembangan terkini di sempadan Thailand-Kemboja, selain menyeru semua pihak mengambil langkah segera bagi meredakan keadaan serta mengelakkan insiden boleh menjejaskan usaha perdamaian dicapai sebelum ini.

"Malaysia mengiktiraf komitmen kedua-dua negara melalui Perjanjian Gencatan Senjata pada 28 Julai lalu, Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan pada 7 Ogos serta Perjanjian Damai Kuala Lumpur dimeterai, pada 26 Oktober," katanya.

**Thailand lancar serangan udara ke atas Kemboja - Dunia 27**